



KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2023**

SIRI 1 NO. 1 TAHUN 2024

**GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA
NASIONAL:**

**TATAKELOLA SYARIKAT BERKEPENTINGAN
KERAJAAN (SBK) DAN SYARIKAT BERHAD
MENURUT JAMINAN (CLBG)**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI

NO. 1 TAHUN 2023

SIRI 1 NO. 1 TAHUN 2024

**GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA
NASIONAL:**

**TATAKELOLA SYARIKAT BERKEPENTINGAN
KERAJAAN (SBK) DAN SYARIKAT BERHAD
MENURUT JAMINAN (CLBG)**

KANDUNGAN

1.	Tujuan	5
2.	Latar Belakang	5
3.	Definisi	7
4.	Peranan dan Tanggungjawab Kementerian Pengawal	11
5.	Pelantikan Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah	13
6.	Pelantikan Ahli Politik Sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah	15
7.	Pelantikan Pegawai Awam Sebagai Ahli Lembaga Pengarah	17
8.	Tapisan Keutuhan dan Tapisan Keselamatan	20
9.	Konflik Kepentingan	21
10.	Perisyiharan Harta	30
11.	Pembangunan Kapasiti dan Kapabiliti	31
12.	Pelaksanaan	34
13.	Kawal Selia	35
14.	Penutup	35
15.	Pemakaian	36
16.	Tarikh Kuat Kuasa	36

Borang Perisyiharan Harta Ketua Pegawai Eksekutif

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini bertujuan memberi panduan kepada Kementerian Pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan dan tatakelola dalam Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta Syarikat 2016 [Akta 777], perlembagaan yang mentadbir SBK dan CLBG serta arahan lain Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Semua Kementerian Pengawal hendaklah mematuhi dan melaksanakan Arahan ini sewajarnya, atas dasar pematuhan arahan-arahan Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Tatakelola baik menjadi asas dalam pembentukan budaya sesebuah institusi serta tingkah laku individu. Justeru, kepimpinan sesebuah institusi mestilah mendukung ciri integriti, akauntabiliti, menjunjung kedaulatan undang-undang dan ketelusan demi memperoleh keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan. SBK dan CLBG telah menjadi antara tonggak utama dalam pembangunan ekonomi dan pembinaan negara bangsa. Dengan mengemudi negara melalui tempoh-tempoh yang mencabar, dan memacu projek pembangunan dan

infrastruktur yang utama, SBK dan CLBG akan terus memainkan peranan penting dalam lonjakan Malaysia ke arah mencapai sasaran status negara maju dan berpendapatan tinggi.

- 2.2 Arahan ini dikeluarkan sebagai kerangka menyeluruh yang boleh digunakan sebagai panduan amalan tatakelola korporat yang baik dengan mengambil kira peraturan serta arahan lain Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- 2.3 Arahan ini bertujuan untuk menambah baik pengurusan dan tatakelola SBK dan CLBG dengan memberi penekanan terhadap perkara-perkara seperti berikut:
 - 2.3.1 memantapkan tanggungjawab Pengurusan Tertinggi dalam mengawasi pengurusan dan tatakelola SBK dan CLBG sepetimana yang dijelaskan di dalam perlembagaan (*constitution*) SBK dan CLBG;
 - 2.3.2 meningkatkan akauntabiliti Kementerian Pengawal dalam menyelia pengurusan dan tatakelola SBK dan CLBG di bawah tanggungjawabnya; dan
 - 2.3.3 menggariskan elemen utama yang perlu diberi perhatian oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi dalam pengurusan dan tatakelola SBK dan CLBG.

3. DEFINISI

Melainkan jika ditakrifkan sebaliknya, semua istilah di bawah yang diguna pakai dalam arahan ini hendaklah membawa makna seperti yang berikut:

“Ahli Politik” ialah seseorang ahli politik jika beliau ialah Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri atau memegang jawatan dalam Majlis Tertinggi atau di peringkat bahagian dalam sesuatu parti politik, Ketua Bahagian atau Ketua Cabang atau ahli kepada mana-mana parti politik termasuk ahli politik yang tidak berparti dan terlibat dalam kegiatan politik;

“Badan Berkanun Persekutuan” ialah mana-mana pertubuhan perbadanan tidak kira dengan nama apa ia dikenali yang diperbadankan menurut peruntukan Undang-Undang Persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;

“Kementerian Pengawal” ialah kementerian persekutuan yang bertanggungjawab ke atas sesebuah Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan;

“Lembaga Pengarah” ialah Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah termasuk Ahli Ganti yang dilantik untuk menganggotai sesebuah Lembaga Pengarah Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan;

“Menteri” ialah Menteri yang bertanggungjawab ke atas sesebuah Kementerian Pengawal;

“Pegawai Awam” ialah seorang pegawai di dalam perkhidmatan awam yang disenaraikan dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;

“Pemegang Amanah” ialah hendaklah ditafsirkan sebagaimana pemegang amanah bagi istilah “seku tu” di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694];

“Pemegang Saham” ialah orang atau badan yang memiliki saham dalam sesebuah syarikat;

“Pengarah Bebas” ialah pengarah yang bebas daripada pengurusan dan sebarang perniagaan atau hubungan lain dengan SBK dan CLBG atau syarikat berkaitan SBK dan CLBG termasuklah seseorang yang:

- a) bukan pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat;
- b) bukan seorang pegawai SBK dan CLBG atau syarikat berkaitan SBK dan CLBG tersebut;
- c) bukan ahli keluarga mana-mana pegawai SBK dan CLBG atau syarikat berkaitan SBK dan CLBG tersebut; dan
- d) bukan yang sedang berkhidmat sebagai penasihat atau terlibat dalam sebarang transaksi termasuk menyediakan khidmat nasihat profesional untuk SBK dan CLBG atau syarikat berkaitan SBK dan CLBG tersebut;

“Pengurusan Tertinggi” ialah individu yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab merancang, mengurus atau mengawal aktiviti perniagaan dan harian, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Pelaburan, Ketua Pegawai Operasi, ahli jawatankuasa yang boleh membuat keputusan dan individu lain yang mempunyai tanggungjawab utama bagi SBK dan CLBG dalam melaksanakan pengurusan risiko, pematuhan atau fungsi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah;

“Saudara” seperti ditafsirkan di bawah Seksyen 3 Akta 694;

“Sekutu” seperti ditafsirkan di bawah Seksyen 3 Akta 694;

“Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee [“CLBG”])” ialah syarikat awam yang ditubuhkan oleh Kerajaan dengan prinsip liabiliti ahli-ahlinya adalah terhad

kepada apa-apa amaun yang diaku janji oleh ahli-ahlinya untuk menyumbang kepada aset syarikat sekiranya syarikat itu digulung; dan

“Syarikat Berkepentingan Kerajaan (“SBK”) adalah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Investment Companies*—[GLIC]) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies*—[GLC]) yang ditakrifkan seperti berikut:

- a) *Government-Linked Investment Companies* (GLIC) adalah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Persekutuan, yang memperuntukkan sebahagian atau keseluruhan dananya untuk pelaburan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). GLIC adalah merangkumi Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Lembaga Tabung Haji (LTH); dan
- b) *Government-Linked Companies* (GLC) pula adalah syarikat yang mempunyai objektif komersil dan berada di bawah kawalan GLIC/Badan Berkanun Persekutuan (BBP)/Kerajaan Negeri, di mana GLIC/BBP/Kerajaan Negeri berkenaan mempunyai kawalan kepentingan

secara langsung. GLC turut merangkumi subsidiari atau syarikat bersekutu di mana GLC tersebut turut mempunyai kawalan kepentingan ke atasnya. Kawalan kepentingan di sini merujuk kepada keupayaan atau kuasa (bukan sekadar peratus pemilikan) GLIC/BBP/Kerajaan Negeri/GLC berkenaan untuk melantik Ahli Lembaga Pengarah dan/ atau pengurusan atasan syarikat dan/atau mempengaruhi keputusan penting dan strategik.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN PENGAWAL

- 4.1 Kementerian Pengawal berperanan memaklumkan dan memastikan dasar Kerajaan termasuk semua undang-undang, pekeliling dan arahan yang berkaitan diterima pakai dan dipatuhi oleh SBK dan CLBG.
- 4.2 Kementerian Pengawal bertanggungjawab menggubal dasar yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh SBK dan CLBG.
- 4.3 Kementerian Pengawal bertanggungjawab memastikan perlombagaan SBK dan CLBG mematuhi undang-undang, pekeliling dan arahan Kerajaan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

- 4.4 Kementerian Pengawal hendaklah memantau pengurusan perjawatan di SBK dan CLBG supaya ia berupaya mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan secara berhemah selain dapat mencapai produktiviti yang baik berdasarkan sumber manusia sedia ada.
- 4.5 Bagi SBK dan CLBG, sebarang perubahan perjawatan atau penstrukturran syarikat hendaklah dibuat dengan persetujuan Pemegang Saham/Lembaga Pengarah dan tertakluk kepada Perlembagaan sesebuah SBK dan CLBG, Akta 777 serta perundangan subsidiarinya.
- 4.6 Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*) hendaklah disandang oleh individu berbeza. Pengasingan jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif sangat penting untuk menggalakkan akauntabiliti, memudahkan pembahagian tanggungjawab serta mengurangkan penumpuan kuasa kepada mana-mana individu. Hal ini juga mengukuhkan keupayaan Lembaga Pengarah untuk melaksanakan pengawasan bebas dan objektif terhadap pihak pengurusan. Tanggungjawab Pengerusi termasuk mengetuai Lembaga Pengarah dalam pengawasan kolektif terhadap pengurusan, manakala Ketua Pegawai Eksekutif memberi tumpuan kepada urusan perniagaan dan pengurusan operasi harian (*day-to-day operation*) SBK dan CLBG.

Selain itu, Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif atau Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif tidak terkecuali daripada dikenakan tindakan tatatertib supaya jawatan-jawatan tersebut digalas dengan penuh tanggungjawab dan akauntabiliti yang tinggi. Perlembagaan dan peraturan bagi mana-mana SBK dan CLBG yang mempunyai peruntukan memberi pengecualian tindakan tatatertib kepada Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif atau Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif perlu dipinda segera dan sekiranya ada, untuk dipinda segera adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah SBK dan CLBG yang berkenaan.

- 4.7 Kementerian Pengawal bertanggungjawab memastikan pelantikan Pengurusan Tertinggi selaras dengan perlembagaan SBK dan CLBG berkenaan dan arahan-arahan Kerajaan lain yang berkuat kuasa.

5. PELANTIKAN PENGERUSI ATAU AHLI LEMBAGA PENGARAH

- 5.1 Pelantikan Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah hendaklah dibuat berdasarkan kriteria yang objektif, merit dan mengambil kira kepelbagaiannya dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor

berkaitan kemahiran, pengalaman, usia, latar belakang budaya dan jantina. Pelantikan tersebut juga hendaklah dibuat berdasarkan peruntukan yang ditetapkan dalam perlombagaan SBK dan CLBG tersebut dan berkemampuan dalam membuat keputusan setelah mempertimbangkan aspek sosio-ekonomi seterusnya menjaga kepentingan SBK dan CLBG tanpa menjelaskan dasar semasa Kerajaan.

- 5.2 Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya satu pertiga Pengarah Bebas untuk mengukuhkan kebebasan dan keobjektifan Lembaga Pengarah. Secara am, had tempoh perkhidmatan bagi seseorang Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah adalah antara enam (6) hingga sembilan (9) tahun.
- 5.3 Bagi tujuan pelantikan Pengarah Bebas sebagai Ahli Lembaga Pengarah, mana-mana mantan pegawai, penasihat atau individu yang telah dilantik sebagai penasihat atau terlibat dalam apa-apa urus niaga dengan SBK dan CLBG atau syarikat berkaitan SBK dan CLBG tersebut hendaklah melepassi tempoh bertenang selama tiga (3) tahun dari tarikh persaraan, peletakan jawatan atau penglibatannya dengan SBK dan CLBG tersebut sebelum beliau boleh dilantik sebagai Pengarah Bebas.

- 5.4 Penglibatan Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah mengukuhkan keobjektifan Lembaga Pengarah dalam perbincangan dan proses membuat keputusan. Pelantikan para profesional daripada sektor swasta yang mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai sektor dan kepakaran teknikal amat digalakkan.
- 5.5 Pengerusi Lembaga Pengarah tidak boleh menganggotai mana-mana jawatankuasa di dalam SBK dan CLBG.
- 5.6 Kementerian Pengawal bertanggungjawab memastikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dilantik mengikut kuasa undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka.

6. PELANTIKAN AHLI POLITIK SEBAGAI PENGERUSI ATAU AHLI LEMBAGA PENGARAH

- 6.1 Lantikan Ahli Politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam SBK dan CLBG berdasarkan kriteria yang objektif, merit dan mengambil kira kepelbagaiannya dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan kemahiran, pengalaman, usia, latar belakang budaya dan jantina. Lembaga Pengarah hendaklah mengambil kira faktor tersebut

dan menamakan calon Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab bagi setiap SBK dan CLBG. Matriks kemahiran Ahli Lembaga Pengarah yang dikeluarkan oleh SBK dan CLBG berkaitan menetapkan gabungan kemahiran yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah digunakan sebagai panduan bagi pencalonan dan pelantikan pengarah. Mana-mana pelantikan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kebebasan, tatakelola atau reputasi SBK dan CLBG hendaklah dielakkan.

- 6.2 Pelantikan Pengerusi dan/atau Ahli Lembaga Pengarah dalam kalangan Ahli Politik hendaklah mendapat persetujuan YAB Perdana Menteri secara rasmi. Bagi tujuan tersebut, perakuan pelantikan calon hendaklah dikemukakan oleh Lembaga Pengarah kepada Kementerian Pengawal.
- 6.3 Sekiranya seseorang Ahli Politik dilantik menganggotai Lembaga Pengarah, proses saringan yang sewajarnya hendaklah dilaksanakan bagi memastikan individu tersebut berupaya memenuhi peranan dan tanggungjawab sebagai pengarah yang berkesan.
- 6.4 Tertakluk kepada perlembagaan SBK dan CLBG, Kementerian Pengawal bertanggungjawab memastikan Lembaga Pengarah terdiri daripada anggota yang

mewakili beberapa kepentingan yang secara bersama dapat meningkatkan prestasi SBK dan CLBG.

- 6.5 Pihak yang melantik boleh menamatkan perkhidmatan Ahli Politik sebagai Pengurus atau Ahli Lembaga Pengarah di SBK/CLBG pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis dan apa-apa prosedur/peraturan semasa berkaitan perkara ini adalah terpakai.

7. PELANTIKAN PEGAWAI AWAM SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH

- 7.1 Pelantikan Pegawai Awam sebagai Ahli Lembaga Pengarah di SBK dan CLBG adalah ditetapkan seperti berikut:

- a) Pegawai Awam yang dilantik hendaklah dihadkan di kalangan pegawai-pegawai dalam Kementerian yang mengawasi SBK dan CLBG tersebut. Pelantikan itu boleh dibuat atas faktor Kementerian berkaitan sebagai pemegang saham, penerimaan geran daripada Kerajaan dan kepakaran/pengetahuan pegawai. Pelantikan itu boleh dibuat selaras dengan perlembagaan SBK dan CLBG tersebut dan Akta 777;
- b) Pegawai Awam yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman untuk memberi

sumbangan kepada pengurusan SBK dan CLBG tersebut;

- c) Pegawai Awam yang dilantik hendaklah mempunyai kemampuan untuk membuat keputusan setelah menimbangkan aspek sosio-ekonomi dan keuntungan bagi SBK dan CLBG tersebut;
- d) Pegawai Awam yang dilantik dalam Lembaga Pengarah SBK dan CLBG tersebut hendaklah mendapat persetujuan secara bertulis daripada Ketua Jabatannya terlebih dahulu;
- e) Pihak yang melantik boleh menamatkan perkhidmatan Pegawai Awam sebagai Ahli Lembaga Pengarah di SBK/CLBG pada bila-bila masa dengan memberikan suatu notis secara bertulis dan apa-apa prosedur atau peraturan semasa berkaitan perkara ini adalah terpakai;
- f) Pegawai Awam yang boleh dipertimbangkan menganggotai Lembaga Pengarah SBK dan CLBG hendaklah terdiri daripada pegawai gred 48 atau 52 ke atas dengan mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan; dan

- g) Kementerian Pengawal perlu mengkaji semula peruntukan perlombagaan SBK dan CLBG di bawah seliaan masing-masing mengenai komposisi Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada dominasi perwakilan dari kalangan Pegawai Awam atau tiada dominasi perwakilan dari kalangan Pegawai Awam daripada Kementerian tertentu.
- 7.2 Pegawai Awam perlu meletakkan jawatan dalam semua keanggotaan Lembaga Pengarah SBK dan CLBG apabila:
- (i) bersara/meletakkan jawatan sebagai Pegawai Awam; atau
 - (ii) bertukar ke Kementerian/Jabatan/Agensi lain (sekiranya pelantikan melalui Kementerian atau berdasarkan jawatan yang disandang).
- 7.3 Pegawai Awam yang dilantik mewakili Kerajaan dalam lembaga-lembaga pengarah SBK dan CLBG tersebut adalah bertanggungjawab memastikan bahawa dasar-dasar am Kerajaan, Dasar Ekonomi Baru dan objektif korporat hendaklah dilaksanakan oleh SBK dan CLBG tersebut serta memastikan SBK dan CLBG menerima pakai Arahan ini sewajarnya.

7.4 Pegawai Awam yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah hendaklah melaporkan isu-isu penting yang melibatkan Kerajaan seperti isu kewangan, ketidakpatuhan undang-undang dan isu sensitif melibatkan orang ramai (*public*) kepada Kementerian Pegawai Awam tersebut berkhidmat dan boleh disalinkan kepada Kementerian Pengawal yang mengawasi SBK dan CLBG itu. Pihak pengurusan SBK dan CLBG hendaklah menyediakan laporan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali berhubung dengan perjalanan SBK dan CLBG tersebut kepada Kementerian Pengawal.

8. TAPISAN KEUTUHAN DAN TAPISAN KESELAMATAN

8.1 Adalah menjadi satu keperluan untuk pelaksanaan tapisan keutuhan dapat dilaksanakan secara berstruktur. Tapisan keutuhan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada tatacara yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”). Tapisan keutuhan dilaksanakan sebelum pelantikan Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dibuat dan dalam mentadbir perisytiharan konflik kepentingan serta isu ketelusan dan kecekapan dalam SBK dan CLBG. Selain itu, perkara berkaitan tapisan keutuhan juga dibuat dengan merujuk kepada prosedur yang diguna pakai oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) bagi menyemak status kes mahkamah dan tapisan keutuhan dibuat oleh Jabatan Insolvensi Malaysia bagi

menyemak status kebankrapan calon Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi. Manakala pengurusan tapisan keselamatan dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di mana CGSO merupakan kuasa pusat pengurusan tapisan keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

- 8.2 Sekiranya tapisan keutuhan atau tapisan keselamatan menunjukkan rekod kesalahan pada calon Lembaga Pengarah/Pengerusi tersebut, Kementerian Pengawal hendaklah mengambil tindakan untuk menarik balik kelulusan cadangan pelantikan Lembaga Pengarah/Pengerusi yang telah diberikan.

9. KONFLIK KEPENTINGAN

- 9.1 Konflik kepentingan melibatkan konflik antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG di mana Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu objektiviti mereka ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab atau ketika membuat pertimbangan bagi pihak SBK dan CLBG.

9.2 Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi selepas dilantik:

9.2.1 Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi yang dilantik hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatannya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada mereka.

9.2.2 Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi yang dilantik:

- a) hendaklah menghindar diri daripada segala kelakuan yang mungkin menyebabkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas-tugas rasminya atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak bahawa mereka telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas-tugas rasminya sehingga menjaskan kedudukannya atau menggunakan kedudukannya bagi faedah peribadinya;
- b) hendaklah mengisyiharkan kepentingan mereka sekiranya dalam menjalankan tugas-

- tugas rasmi, mereka berhadapan dengan kepentingan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan awam, seperti permohonan-permohonan yang melibatkan saudara; dan
- c) hendaklah mematuhi peraturan-peraturan tertentu apabila berhadapan dengan sesuatu percanggahan kepentingan semasa menjalankan tugas-tugas rasminya.
- 9.3 Perkara-perkara yang termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan yang melibatkan mana-mana orang yang diistilahkan sebagai saudara atau sekutu.
- 9.4 Tugasan kerja yang melibatkan saudara atau sekutu boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar serta boleh mewujudkan suasana kerja yang negatif atau tidak profesional seperti yang terkandung di bawah **Seksyen 23 Akta 694**.
- 9.5 Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk mengambil kira kewujudan konflik kepentingan kerana tanggapan bahawa akan berlakunya konflik boleh merosakkan reputasi SBK dan CLBG.
- 9.6 Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, SBK dan CLBG perlu mempunyai polisi yang jelas berhubung konflik

kepentingan agar pelaksanaan tugas dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi dapat dijalankan dengan telus. Selain daripada itu, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG harus mengelakkan diri daripada terlibat di dalam sebarang situasi konflik.

- 9.7 Untuk memastikan kepentingan SBK dan CLBG terjamin, Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG diwajibkan untuk mengisyiharkan kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan dalam apa jua perkara yang boleh mewujudkan konflik kepentingan dalam tugas rasminya. Polisi Konflik Kepentingan adalah bagi perkara-perkara seperti berikut:
- a) **bagi urusan yang berkaitan dengan syarikat pembekal, vendor, ejen dan pesaing, manama Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG atau saudara tidak boleh mempunyai**
- i. Sebarang kepentingan kewangan dalam syarikat pembekal, vendor, ejen atau pesaing, kecuali dalam syarikat awam tersenarai. Kepentingan berjumlah kurang daripada 5% dalam ekuiti syarikat boleh diabaikan; dan

ii. Sebarang urusan perniagaan atau kontrak dengan SBK dan CLBG. Ini tidak termasuk pembelian untuk kegunaan peribadi oleh Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG atau pembelian dengan harga sama yang ditawarkan kepada orang awam. Untuk pembayaran oleh SBK dan CLBG kepada ejen jualan yang dilantik secara rasmi, pembeli perlu mengetahui amalan komersial biasa berkenaan komisen yang boleh dibayar kepada ejen dan kelulusan daripada pembeli tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG adalah dilarang daripada menerima komisen daripada rakan sejawat, rakan perniagaan dan syarikat pesaing.

b) bagi urusan peribadi dengan syarikat-syarikat pembekal dan pelanggan

Setiap Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG perlu memastikan urusan perniagaan peribadi mereka dengan syarikat pembekal adalah sama seperti yang ditawarkan kepada orang awam sebagai contohnya pembelian pada harga yang sama ditawarkan kepada orang awam.

c) pekerjaan luar dan aktiviti di luar

- i. Sebagai pekerja sepenuh masa, Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG adalah dilarang melakukan kerja-kerja luar atau terlibat dalam sebarang perniagaan/perkhidmatan di luar yang berkemungkinan bersaing dengan SBK dan CLBG atau yang akan berpotensi menyebabkan berlakunya konflik kepentingan dengan tugasan Pengurusan Tertinggi tersebut.
- ii. Perlembagaan SBK dan CLBG menghendaki semua Pengurusan Tertinggi memberikan komitmen dalam memenuhi tanggungjawab mereka di SBK dan CLBG. Pekerjaan kedua dan tanggungjawab lain boleh mengganggu komitmen Pengurusan Tertinggi kepada SBK dan CLBG.
- iii. Selain itu, Pengurusan Tertinggi dalam SBK dan CLBG adalah dilarang untuk berkhidmat dalam apa jua jawatan di dalam syarikat yang bersaing dengan SBK dan CLBG dengan apa-apa cara sekalipun, atau menjalankan usaha peribadi yang bersaing dengan SBK dan CLBG dengan apa-apa cara sekalipun yang boleh menimbulkan konflik kepentingan yang sebenar. Oleh yang demikian, Pengurusan Tertinggi dalam SBK dan

CLBG perlulah mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah sebelum memulakan pekerjaan kedua atau usaha niaga atau projek peribadi.

d) keahlian Lembaga Pengarah

Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG hanya dibenarkan untuk berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi agensi/badan kerajaan dan/atau syarikat di dalam atau luar SBK dan CLBG dengan kelulusan Lembaga Pengarah. Walau bagaimanapun, pengecualian akan diberikan kepada pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang berkaitan dengan perniagaan keluarga atau organisasi bukan untuk keuntungan (contohnya kelab dan persatuan sosial atau yang berkaitan dengan komuniti).

e) aktiviti pelaburan

Pelaburan peribadi yang dibuat oleh seseorang Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi tidak seharusnya mempengaruhi pertimbangan atau keputusan yang dibuatnya bagi pihak SBK dan CLBG. Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG juga perlu mengelak membuat pelaburan di dalam syarikat pesaing jika perbuatan itu boleh mempengaruhi keputusan perniagaan anggota bagi pihak SBK dan CLBG.

f) ahli keluarga dan hubungan peribadi yang rapat

- i. Seseorang Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG boleh mengambil pekerja, mencadangkan pengambilan pekerja, mendesak atau mempengaruhi keputusan pengambilan pekerja, menyelia, menguatkuaskan terma dan syarat pekerjaan atau mempengaruhi keputusan pihak pengurusan bagi saudara mereka. Namun, SBK dan CLBG juga perlu menyediakan tatacara untuk membuat pendedahan percanggahan kepentingan (*declaration of conflict of interest*) dan kaedah untuk mengecualikan diri (*recuse*) dari membuat keputusan berkenaan dengannya. Saudara kepada Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi tersebut hanya boleh diambil bekerja sebagai pekerja atau perunding dalam SBK dan CLBG ini sekiranya pelantikan itu adalah berdasarkan pada kelayakan, prestasi, kemahiran, pengalaman dan mengikut polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam perlembagaan SBK dan CLBG berkenaan.
- ii. Setiap anggota Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG dilarang untuk mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan perniagaan SBK dan CLBG yang

melibatkan syarikat yang menggaji atau dimiliki oleh saudara Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi tersebut. Oleh yang demikian, setiap Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG juga perlu mengisyiharkan aktiviti perniagaan SBK dan CLBG yang melibatkan saudara mereka. Sebarang kepentingan yang dimiliki oleh saudara Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi dan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG di dalam syarikat pesaing atau syarikat berkaitan yang lain juga perlu diisyiharkan bagi memastikan setiap keputusan mesyuarat yang diputuskan adalah telus.

g) hubungan peribadi yang rapat

- i. Hubungan peribadi di kalangan Pengurusan Tertinggi SBK dan CLBG akan menyebabkan salah seorang anggota menerima atau memberi kelebihan yang tidak adil, atau layanan istimewa. Tindakan atau perhubungan ini berkemungkinan menimbulkan konflik dengan tugas, tanggungjawab atau kepentingan anggota di SBK dan CLBG. Hubungan peribadi di kalangan anggota SBK dan CLBG boleh mewujudkan konflik sekiranya—

- a. Terdapat pelaporan secara langsung dan tidak langsung antara anggota SBK dan CLBG yang mempunyai hubungan peribadi; atau
 - b. Tidak terdapat hubungan pelaporan langsung di antara anggota SBK dan CLBG tetapi hubungan peribadi ini boleh menyebabkan anggota lain hilang keyakinan terhadap keputusan atau pertimbangan sama ada ke atas anggota berkenaan atau syarikat.
- 9.8 Sekiranya terdapat hubungan peribadi di bahagian berkaitan, anggota terlibat perlu sedar bahawa satu atau kedua-dua boleh dipindahkan atau dipinjamkan kepada bahagian lain di SBK dan CLBG dan/atau tindakan lain yang boleh diambil (termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan skop kerja dan/atau tanggungjawab) mengikut budi bicara bahagian yang berkaitan.

10. PERISYTIHARAN HARTA

- 10.1 Bagi meningkatkan integriti SBK dan CLBG, semua Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengisyiharkan pemilikan harta mereka serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka:

- i. Perisyiharan harta, perolehan harta tambahan dan pelupusan harta Ketua Pegawai Eksekutif serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengawal dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM;
- ii. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengemukakan perisyiharan harta kali pertama sebelum sebarang urusan pelantikan dibuat;
- iii. Perisyiharan harta hendaklah dibuat menggunakan Borang Perisyiharan Harta (Borang PH 1/2024), Borang Perolehan Harta Tambahan (Borang PH 2/2024) dan Borang Pelupusan Harta (Borang PH 3/2024); dan
- iv. Tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya perisyiharan harta Ketua Pegawai Eksekutif itu tidak mematuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783].

11. PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KAPABILITI

11.1 Semua Kementerian Pengawal perlu memastikan bahawa setiap SBK dan CLBG mengeluarkan satu garis panduan yang khusus bagi menyelaraskan perkara-

perkara berkaitan kefahaman terhadap peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah melalui pelaksanaan program atau kursus secara berterusan bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti individu-individu yang dilantik. Perbelanjaan atau kos pelaksanaan program atau kursus tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh SBK dan CLBG berkaitan.

- 11.2 SBK dan CLBG bertanggungjawab menyediakan latihan kapasiti kepada Lembaga Pengarah bagi meningkatkan kefahaman terhadap peranan dan tanggungjawab khususnya berhubung tatakelola SBK dan CLBG.
- 11.3 Semua Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi yang baru dilantik perlu menghadiri program suai kenal (*on-boarding*) dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh pelantikan.
- 11.4 Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi secara berterusan wajar mengenal pasti keperluan latihan untuk pengarahan dan menyediakan program latihan bagi menangani kelemahan yang dikenal pasti atau mengikut perkembangan terkini serta potensi risiko baru muncul. Setiap Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi perlu menjalani latihan yang diperlukan dan program pembangunan profesional yang telah dikenal pasti serta mewujudkan rekod yang bersesuaian.

- 11.5 Program *on-boarding* dan pembangunan profesional berterusan adalah penting bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Bahan latihan atau program hendaklah relevan dan dikendalikan oleh mereka yang mempunyai pengalaman yang berkaitan.
- 11.6 Semua Ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi perlu menjalankan penilaian prestasi yang objektif dan berstruktur pada setiap tahun untuk menyemak prestasi setiap Ahli Lembaga Pengarah secara individu serta prestasi Lembaga Pengarah secara kolektif.
- 11.7 Prestasi Pengerusi dinilai setiap tahun melalui maklum balas dan pandangan semua Ahli Lembaga Pengarah. Penilaian ini mengambil kira antara lain, kualiti kepimpinan yang dipamerkan seperti menggalakkan perbahasan yang membina, membuat keputusan yang berkesan, mengekalkan hubungan baik dengan para pengarah, pengurusan dan pihak berkepentingan serta memelihara kepercayaan pihak berkepentingan terhadap Lembaga Pengarah/Pengerusi. Hasil penilaian ini membolehkan SBK dan CLBG membuat keputusan bermaklumat sama ada individu tersebut perlu dikekalkan sebagai Pengerusi atau sebaliknya.

Penilaian ke atas Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi yang dijalankan dengan baik amat penting untuk penambahbaikan berterusan dalam kepimpinan dan prestasi Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi. Penilaian ini juga membantu mengenal pasti mana-mana kelemahan, yang sekiranya tidak ditangani boleh menjelaskan keberkesanan Ahli Lembaga Pengarah/Pengerusi. Kelemahan ini mestilah dimaklumkan kepada pihak Kementerian dan langkah sewajarnya perlu diambil untuk menanganinya.

12. PELAKSANAAN

- 12.1 Lembaga Pengarah perlu memastikan adanya penubuhan Unit Integriti (“UI”) atau Unit Integriti dan Tadbir Urus (“IGU”) yang melapor terus kepada Lembaga Pengarah. Penubuhan UI/IGU ini hendaklah mendapat persetujuan Lembaga Pengarah dengan mengambil kira kesesuaian model dan struktur SBK dan CLBG berkaitan.
- 12.2 Ketua Pegawai Integriti perlu dilantik untuk mengetuai UI/IGU entiti. Ketua Pegawai Integriti mestilah seorang Pegawai Integriti Bertauliah yang diperakukuan oleh SPRM, yang melapor terus kepada Lembaga Pengarah.

12.3 Ketua Pegawai Integriti berperanan mengawal selia dan menyelaras pelaksanaan Arahan ini di peringkat SBK dan CLBG masing-masing.

13. KAWAL SELIA

Kementerian Pengawal hendaklah dipertanggungjawabkan untuk berperanan mengawal selia, memantau dan menyelaras pelaksanaan fungsi Arahan ini. Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan Arahan ini, sila hubungi Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), SPRM.

14. PENUTUP

Rujukan kepada Arahan ini memberi panduan kepada Kementerian Pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan dan tatakelola dalam SBK dan CLBG yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta 777, perlembagaan yang mentadbir SBK dan CLBG serta perundangan/arahan lain Kerajaan yang berkuat kuasa.

15. PEMAKAIAN

Arahan ini hendaklah terpakai kepada semua Kementerian Pengawal. Pemakaian Arahan ini kepada mana-mana entiti lain seperti Perkhidmatan Negeri dan Badan Berkanun adalah tertakluk kepada penerimaan agensi masing-masing.

16. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh dokumen dikeluarkan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "ANWAR BIN IBRAHIM". The signature is written in a cursive style with a large, open loop on the left side.

(ANWAR BIN IBRAHIM)
Perdana Menteri Malaysia
20 Mei 2024

**BORANG PERISYIHIRAN HARTA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

BAHAGIAN I : BUTIRAN PERIBADI DAN KETERANGAN SUAMI/ISTERI/ANAK/PEMEGANG AMANAH

A. BUTIRAN PERIBADI

1. Nama :
2. Nombor K/P :
3. Jawatan :
4. Alamat Pejabat :
5. Alamat E-mel :
6. Nombor Telefon :

B. KETERANGAN MENGENAI SUAMI/ISTERI (NYATAKAN JIKA MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA SEORANG ISTERI)

Bil.	Nama Suami/isteri	Nombor K/P	Pekerjaan

C. KETERANGAN MENGENAI ANAK DAN LAIN-LAIN TANGGUNGJUNGAN *

Bil.	Nama Anak/Tanggunguan	Nombor KIP dan Umur	Pelajar/Pekerjaan

* Tanggunguan termasuk anak angkat, ibu, bapa atau saudara mara lain yang diberi bantuan bulanan/tinggal bersama

D. KETERANGAN MENGENAI PEMEGANG AMANAH

Bil.	Nama Pemegang Amanah	Nombor KIP dan Umur	Hubungan

BAHAGIAN II: KETERANGAN MENGENAI PENDAPATAN**KETERANGAN MENGENAI PENDAPATAN BULANAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF****A.**

Bil.	Jenis Pendapatan	Sendiri (RM)
1.	Gaji	
2.	Jumlah semua imbuhan dan elaun tetap	
3.	Pendapatan sewaan (Rumah/Bangunan/Tanah dan lain-lain)	
4.	Lain-lain pendapatan yang diterima secara bulanan (nyatakan sumber pendapatan secara terperinci)	
	Jumlah keseluruhan	

B. KETERANGAN MENGENAI PENDAPATAN BULANAN SUAMI/ISTERI

Bil.	Jenis Pendapatan	Suami/Isteri (RM)
1.	Gaji *	
2.	Jumlah semula imbuhan dan elauan tetap **	
3.	Pendapatan sewaan (rumah/bangunan/tanah dan lain-lain)	
4.	Lain-lain pendapatan yang diterima secara bulanan (nyatakan sumber pendapatan secara terperinci)	
	Jumlah keseluruhan	

- * Nyatakan gaji bulanan bagi setiap isteri jika mempunyai lebih daripada seorang isteri
 ** Nyatakan imbuhan dan elauan tetap bulanan bagi setiap isteri jika mempunyai lebih daripada seorang isteri

BAHAGIAN III: KETERANGAN MENGENAI TANGGUNGAN/ANSURAN**A. KETERANGAN MENGENAI TANGGUNGAN/ANSURAN BULANAN ATAS PINJAMAN (SENDIRI)**

Bil.	Jenis Tanggungan/ Ansuran	Butir-butir Pinjaman (Tujuan Pinjaman/Nama Institusi Yang Memberi Pinjaman)	Jumlah Tanggungan/Ansuran (RM)	(Sendiri)	(Sendiri)
1.	Pinjaman *				
2.	Tanggungan sara hidup (termasuk kos anak-anak dan lain-lain tanggungan)				
3.	Lain-lain tanggungan (nyatakan)				

* Nyatakan setiap tanggungan/ansuran bulanan atas pinjaman jika melibatkan lebih daripada satu pinjaman

B. KETERANGAN MENGENAI TANGGUNGJAN/ANSURAN BULANAN ATAS PINJAMAN SUAMI/ISTERI

Bil.	Jenis Tanggungan/ Ansuran	Butir-Butir Pinjaman (Tujuan Pinjaman/Nama Institusi Yang Memberi Pinjaman)	Jumlah Tanggungan/Ansuran (RM)	(Suami/Isteri) Bayaran Bulanan (RM)
1.	Pinjaman **			
2.	Tanggungan sara hidup (termasuk kos anak-anak dan lain-lain tanggungan)			
3.	Lain-lain tanggungan (nyatakan)			

* Nyatakan jumlah tanggungan/ansuran bulanan atas pinjaman bagi setiap isteri jika mempunyai lebih daripada seorang isteri

** Nyatakan setiap tanggungan/ansuran bulanan atas pinjaman jika melibatkan lebih daripada satu pinjaman

BAHAGIAN IV: PEMILIKAN HARTA**A KETERANGAN MENGENAI HARTA* (SENDIRI)**

Jenis Harta (tanah/ rumah/ bangunan/ kenderaan/ saham)	Pemilikan Pemilik Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Tarikh Pemilikan, Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Bilangan/ Ekar/Kaki Perseri/ Unit	Nilai Harta, Kaedah Perolehan Harta (pusaka/beli/ hadiah dsb.)	Nilai Anggaran Masa Kini (RM)	Punca Kewangan Perolehan Harta (sendiri/pinjaman)
						<ul style="list-style-type: none"> • Jika pinjaman nyatakan: • jumlah pinjaman • Institusi peminjam • Tempoh bayaran balik • Ansuran bulanan

- * Termasuk semua harta alih antaranya seperti kenderaan, saham dan harta tak alih (tanah, rumah, bangunan di dalam dan luar Malaysia atas nama sendiri)

B. KETERANGAN MENGENAI HARTA* (SUAMI/ISTERI/ANAK/PEMEGANG AMANAH)

Jenis Harta	Pemilik Harta dan Hubungan	Tarikh Pemilikan, Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Bilangan/ Ekar/Kaki Persegi/ Unit	Nilai Harta, Kaedah Perolehan Harta (pusaka/beli/ hadiah dsb.)	Nilai Anggaran Masa Kini (RM)	Punca Harta (sendiri/pinjaman)	Kewangan Perolehan Harta
(tanah/ rumah/ bangunan/ kenderaan /saham)	(suami/isteri/ anak/ pemegang amanah dsb.)				<ul style="list-style-type: none"> • Jika pinjaman nyatakan jumlah pinjaman • Institusi peminjam • Tempoh bayaran balik • Ansuran bulanan 		

- * Termasuk semua harta alih antaranya seperti kenderaan, saham dan harta tak alih (tanah, rumah, bangunan di dalam dan luar Malaysia atas nama suami/isteri/anak/pemegang amanah
- ** Anak-anak yang berumur 21 tahun ke bawah

BAHAGIAN V: AKUAN SUMPAH

Saya..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa apa yang saya nyatakan dalam borang ini adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkantan 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut
namanya di atas:

Nama :

Di
.....

Di Negeri
.....

Pada tarikh
.....

Di hadapan saya,

.....
Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret atau
Pesuruhjaya Sumpah

**BAORANG PERISYIHIRAN HARTA TAMBAHAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

BAHAGIAN I: BUTIRAN PERIBADI

A. BUTIRAN PERIBADI

1. Nama :
2. Nombor K/P :
3. Jawatan :
4. Alamat Pejabat :
5. Alamat E-mel :
6. Nombor Telefon :

BAHAGIAN II: PEROLEHAN HARTA TAMBAHAN

A. KETERANGAN MENGENAI PEROLEHAN HARTA TAMBAHAN* (SENDIRI)

Jenis Harta (tanah/ rumah/ bangunan/ kenderaan/ saham)	Pemilikan Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Tarikh Pemilikan, Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Bilangan/ Ekar/Kaki Persegi/ Unit	Nilai Harta, Kaedah Perolehan Harta (pusaka/beli/ hadiyah dsb.)	Nilai Anggaran Masa Kini (RM)	Punca Kewangan Perolehan Harta (sendiri/pinjaman)
						<ul style="list-style-type: none">• Jika pinjaman nyatakan:<ul style="list-style-type: none">▪ jumlah pinjaman▪ Institusi peminjam• Tempoh bayaran balik• Ansuran bulanan

* Termasuk semua harta alih antaranya seperti kenderaan, saham dan harta tak alih (tanah, rumah, bangunan di dalam dan luar Malaysia atas nama sendiri)

B. KETERANGAN MENGENAI PEROLEHAN HARTA TAMBAHAN* (SUAMI/ISTERI/ANAK/PEMEGANG AMANAH)

Jenis Harta	Pemilik Harta dan Hubungan (tanah/ rumah/ bangunan/ kenderaan /saham)	Tarikh Pemilikan, Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Bilangan/ Ekar/Kaki Persegi/ Unit	Nilai harta, kaedah perolehan harta (pusaka/beli/ hadiah dsb.)	Anggaran Masa Kini (RM)	Nilai Harta (sendiri/pinjaman)	Puncu Kewangan Perolehan Harta (sendiri/pinjaman)
						<ul style="list-style-type: none"> • Jika pinjaman nyatakan jumlah pinjaman • Institusi peminjam • Tempoh bayaran balik • Ansuran bulanan 	

* Termasuk semua harta alih antaranya seperti kenderaan, saham dan harta tak alih (tanah, rumah, bangunan di dalam dan luar Malaysia atas nama suami/isteri/anak/pemegang amanah)

** Anak-anak yang berumur 21 tahun ke bawah

BAHAGIAN III: AKUAN SUMPAH

Saya..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa apa yang saya nyatakan dalam borang ini adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkantan 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diaukui oleh yang tersebut namanya di atas:

Nama :

Di
.....

Di Negeri
.....

Pada tarikh
.....

Di hadapan saya,

.....
Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret atau
Pesuruhjaya Sumpah

**BAORANG PERISYIHIRAN PELUPUSAN HARTA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

BAHAGIAN I: BUTIRAN PERIBADI

A. BUTIRAN PERIBADI

1. Nama :
2. Nombor K/P :
3. Jawatan :
4. Alamat Pejabat :
5. Alamat E-mel :
6. Nombor Telefon :

BAHAGIAN II: PELUPUSAN HARTA**A. KETERANGAN MENGENAI HARTA YANG DILUPUSKAN (SENDIRI)**

Jenis Harta (tanah/rumah/ bangunan/ kenderaan/ saham)	Pemilikan	Tarikh Pemilikan, Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Bilangan/Ekar/ Kaki Persegi/Unit	Tarikh Pelupusan dan Cara Pelupusan (dijual/dihadiahkan dsb)	Nilai Pelupusan (RM)

- * Termasuk semua harta alih antaranya seperti kenderaan, saham dan harta tak alih (tanah, rumah, bangunan di dalam dan luar Malaysia atas nama sendiri)

B. KETERANGAN MENGENAI HARTA YANG DILUPUSKAN* (SUAMI/ISTERI/ANAK/PEMEGANG AMANAH)

Jenis Harta (tanah/rumah/ bangunan/ kenderaan/ saham)	Pemilikan Harta dan Hubungan (suami/ isteri/anak/ pemegang amanah dsb.)	Tarikh Pemilikan, Alamat Harta, No. Sijil dsb.	Bilangan/Ekar/ Kaki Perseggi/Unit	Tarikh Pelupusan dan Cara Pelupusan (dijual/dihadiahkan dsb)	Nilai Pelupusan (RM)

- * Termasuk semua harta alih antaranya seperti kenderaan, saham dan harta tak alih (tanah, rumah, bangunan di dalam dan luar Malaysia atas nama suami/isteri/anak/pemegang amanah)

** Anak-anak yang berumur 21 tahun ke bawah

BAHAGIAN III: AKUAN SUMPAH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa apa yang saya nyatakan dalam borang ini adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diaukui oleh yang tersebut namanya di atas:

Nama :

Di

Di Negeri

Pada tarikh.....

Di hadapan saya,

.....
Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret atau
Pesuruhjaya Sumpah